

**UCAPAN**  
**SETIAUSAHA TETAP (BANDARAN DAN DAERAH)**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**  
**SESI TAKLIMAT SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU MUKIM DAN KETUA**  
**KAMPUNG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG BAHRU**

**Hari Sabtu : 20 Jamadilawal 1440 bersamaan 26 Januari 2019  
@2.30 petang Dewan Auditorium, Job Center, Beribi, Gadong.**

---

Bismillahir Rahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiae Walmursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Mulia, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pegawai-Pegawai Daerah, Pemangku Pegawai-Pegawai Daerah, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, para Lepasan Graduan, para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subahanahu Wataala kerana dengan limpah, rahmat, izin dan kurnianya juga kita dapat sama-sama hadir ke Sesi Taklimat Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam Yang Baharu dikhususkan kepada para lepasan graduan pada petang ini.

Skim Perkhidmatan baru Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam telah mula dikuatkuasakan pada 1hb April 2015. Pada tahun 2018, beberapa perubahan dan pembaharuan dibuat terhadap Skim Perkhidmatan ini. Tujuan utama Skim ini diperkenalkan ialah untuk mempertingkatkan, memperkuuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dengan memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan perkembangan terbaru ini dan bagi mempastikan kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung samaada yang sudah kosong pada masa ini atau kekosongan yang akan terjadi di dalam tempoh terdekat ini, maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah melaksanakan proses pengisian kekosongan jawatan ini secara berfasa dimulai dengan mengiklankan sebanyak 82 kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung pada 1hb Oktober 2018 dan seterusnya diiklankan semula pada bulan November hingga Disember 2018.

Bagi mempastikan maklumat mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim Dan Ketua Kampung dan kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini diketahui oleh pihak umum, beberapa usaha dan strategi telah diaturkan dan dilaksanakan bagi memberi gakan maklumat berkenaan. Diantara usaha-usaha tersebut ialah melalui muzakarah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung di keempat-empat daerah di Negara ini, jerayawara kepada orang ramai yang juga diadakan di keempat-empat daerah, pengiklanan kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menggunakan berbagai platform seperti di Pelita Brunei dan PSC Recruitment bagi menyebarluaskan maklumat kekosongan jawatan.

Sesi taklimat pada petang ini juga adalah sebagai salah satu lagi usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi gakan maklumat mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini dan seterusnya maklumat mengenai kekosongan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung khususnya kepada kalangan belia dan lepasan-lepasan graduan.

Seperti yang saya telah sampaikan awal tadi, Skim Perkhidmatan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dikuatkuasakan pada 1hb April 2015 ini telah melalui beberapa perubahan dan pembaharuan pada tahun lepas. Salah satu pembaharuan ialah dari segi syarat kelayakan umur bagi calon-calon Penghulu Mukim dan Ketua Kampung diturunkan dari 45 hingga 55 tahun kepada 30 hingga 55 tahun.

Maka, taklimat pada petang ini adalah bertujuan untuk menarik bakal pemimpin yang berpotensi dari kalangan para belia terutamanya para lepasan-lepasan Graduan bagi menceburi bidang tugas Penghulu Mukim dan Ketua Kampung selaku pemimpin Akar Umbi Masyarakat dan sebagai peneraju bagi pembaharuan, pembangunan, perpaduan, keharmonian, kemakmuran dan keselamatan serta penggerak kepada perkembangan sosio-ekonomi masyarakat mukim dan kampung. Kerjaya sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sememangnya adalah kerjaya yang sangat mencabar dan memerlukan pemimpin yang berkauliti, aktif, berwibawa dan kreatif bagi memantapkan dan memperkuuhkan lagi Insitusi Mukim dan Kampung. Saya yakin para belia dan para lepasan graduan sudahpun memiliki ciri-ciri dan kauliti positif ini untuk menjadi pemimpin yang baik dan bersedia, hanya perlu untuk diasuh dan digilap lagi melalui pelbagai kursus kepimpinan, kerohanian dan pentadbiran yang disediakan. Di samping itu, saya juga menyeru supaya para belia dan para lepasan graduan untuk sama-sama melibatkan diri secara aktif di dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung atau mengikuti aktibiti sukarelawan dan kemasyarakatan yang diungkayahkan di mukim dan kampung masing-masing.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian, pada 1hb Oktober 2018 yang lalu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengiklankan sebanyak 82 kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Kekosongan jawatan berkenaan juga telah diiklankan semula pada bulan Disember 2018. Daripada iklan-iklan berkenaan, pihak Jabatan-Jabatan Daerah telah menerima pencalonan bagi kekosongan sebanyak 45 jawatan Penghulu dan Ketua Kampung. Manakala itu, sebanyak 37 jawatan kosong Penghulu dan Ketua Kampung tidak menerima sebarang pencalonan. Kekosongan bagi 37 jawatan ini diiklankan semula bermula hari ini dan dibukakan sehingga 21hb Februari 2019.

Alhamdullilah, melalui pengiklanan pada tahun 2018 lalu, terdapat juga pencalonan yang diterima dari kalangan belia dan lepasan Graduan. Di dalam hubungan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengalukan lagi para belia dan para lepasan Graduan yang berpotensi dan berminat dalam menceburi kerjaya sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan memenuhi syarat-syarat kelayakan di dalam Skim Perkhidmatan untuk mencalonkan diri bagi mengisikan kekosongan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang diiklankan berkenaan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Job Center dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) atas kerjasama yang diberikan bagi mengungkayahkan Sesi Taklimat pada petang ini dan seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para graduan yang hadir pada sesi taklimat petang ani.

Sekian.

Wabilahhi taufik walhidayah, asalamualaikum warahmatullah  
hiwabarakatuh.

Salminan Haji Burut  
Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah)  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.  
26hb Januari 2019